

# 120 ikrar sokongan

■ **Pemimpin PKR tandatangani resolusi pada majlis temurapat**

Raja Noraina Raja Rahim  
rnoraina@hmetro.com.my

## Khobar angin tidak relevan

### Port Dickson

Seramai 120 pemimpin PKR sudah menandatangani resolusi bagi menyatakan sokongan terhadap Presiden parti itu Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam.

Setiausaha Agung PKR Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail berkata, 20 lagi pemimpin tidak berbuat demikian kerana tidak dapat hadir pada Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat Sesi 2018/2021 di sini.

Menurutnya, program selama tiga hari sejak Jumaat lalu berkenaan membabitkan semua pimpinan termasuk anggota Majlis Pimpinan Pusat, Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negara dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun).

"Dokumen resolusi itu ditandatangani oleh semua peserta program. Malah, kami memberikan sokongan sepenuhnya kepada Presiden untuk memacu, memimpin serta menjadi tonggak Pakatan Harapan (PH).

"Bagaimanapun, saya percaya 20 pemimpin yang tidak hadir itu turut menyatakan sokongan dan dijangka menandatangani dokumen ter-

**Port Dickson:** Presiden PKR Datuk Seri Anwar Ibrahim masih berjasama sebagai satu pasukan dengan Timbalannya Datuk Seri Mohamed Azmin Ali.

Anwar berkata, khabar angin mengatakan beliau dan Azmin bertelagah adalah tidak relevan.

"Azmin di belakang saya. Kami bekerjasama sebagai satu pasukan, menghadapi mesyuarat dan berbincang bersama.

"Dia sudah diberi mandat sebagai Timbalan Presiden semasa pemilihan parti," katanya pada sidang media selepas Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat Sesi 2018/2021 di sini, semalam.

Malam kelmarin, Azmin dijadual memberikan ucapan dalam sesi ucapan pada

program berkenaan, namun kelibatnya tidak kelihatan.

Malah, Azmin juga didapati tidak hadir pada program yang berlangsung selama tiga hari sejak Jumaat lalu.

Mengulas mengenai 20 pemimpin PKR yang gagal menghadiri program berkenaan, Anwar berkata, mereka akan diberi masa untuk membaca resolusi yang dibincangkan sepanjang program itu.

"Mereka yang tidak datang memberikan alasan munasabah dan beri mereka masa untuk memahami resolusi itu sebelum nyatakan sokongan," katanya.

Katanya, semua pimpinan parti mencapai persetujuan berpegang pada idea perjuangan parti dan terus memperjuangkan isu rakyat.

babit kemudian," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas sesi taklimat dan perbincangan pelan tindakan empat tahun PKR pada hari terakhir program berkenaan di sini.

Turut hadir,

Anwar dan Pengerusi Majlis Penasihat PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Mengulas lanjut mengenai program temurapat berkenaan, Saifuddin berka-

ta, pihaknya berbincang secara jujur, terbuka dan mencapai resolusi bersama.

"Pada program ini semua pimpinan berbincang, bermuhasabah, menggi-

lap kembali idealisme perjuangan, mengukuhkan disiplin dan paduan parti, menilai kembali rekod perkhidmatan selama setahun sebagai kerajaan Persekutuan dan bagaimana PH bergerak ke depan," katanya.

Katanya, semua pimpinan

bertekad memperkukuhkan parti sebagai tonggak parti pelbagai kaum berdasarkan prinsip perlembagaan dan memastikan manifesto PH terlaksana.

Sementara itu, Anwar berkata, beliau mengikuti keseluruhan perbincangan dan mendengar cadangan, teguran serta harapan peserta mengenai masa depan parti berkenaan.

Katanya, beliau akan menyampaikan pandangan terbabit kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pada Majlis Presiden Pakatan Harapan, kelak.

**FAKTA**  
Dokumen resolusi ditandatangani semua peserta program



FOTO: HASRIYASYAH SABUDIN

**ANWAR** bercakap kepada media selepas sesi taklimat pada Program Temurapat Majlis Pimpinan Pusat PKR Sesi 2018/2021 hari akhir di Port Dickson, semalam.